



مجلس دأیره جلی، کلنتن

MAJLIS DAERAH JELI

17600 JELI, KELANTAN.

Telefon : 09-9440023 / 0260
Faks : 09-9440007
E-mel : mdjeli@kelantan.gov.my
Laman Web : <https://mdjeli.kelantan.gov.my>
FB : Majlis Daerah Jeli



SYARAT/ KEPERLUAN PEMATUHAN LESEN MAJLIS DAERAH JELI

1. SYARAT-SYARAT AM

- i. Hendaklah mematuhi peruntukan didalam **Akta Kerajaan Tempatan 1975 (Akta 171)** dan peruntukan Undang - Undang Kecil yang digubal di bawah Akta tersebut untuk Majlis Daerah Jeli.
- ii. Hendaklah mematuhi peruntukan didalam **Akta Jalan Parit dan Bangunan 1984 (Akta 133)** dan peruntukan Undang - Undang Kecil yang digubal di bawah Akta tersebut untuk Majlis Daerah Jeli.
- iii. Hendaklah menjalankan bercanggah dengan jenis aktiviti perniagaan sebagaimana yang dinyatakan didalam lesen sahaja dan barang barang hendaklah disusun kemas.
- iv. Sebarang aktiviti bercanggah dengan Dasar Kerajaan Negeri Kelantan dan yang berunsur judi atau maksiat tidak dibenarkan diadakan di mana mana bahagian premis yang dinyatakan di dalam lesen, **KECUALI** mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua Majlis Daerah Jeli.
- v. **TIDAK DIBENARKAN** mengadakan sebarang bentuk hiburan di mana mana bahagian premis yang dilesenkan kecuali mendapat kelulusan daripada Yang Dipertua Majlis Daerah Jeli.
- vi. **DILARANG** berniaga antara jam 12:00 malam hingga 06.00 pagi tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua Majlis Daerah Jeli.
- vii. Semua pemegang lesen serta pekerja Islam hendaklah berpakaian menutup aurat dan bagi pemegang lesen dan pekerja yang bukan islam hendaklah berpakaian sopan.
- viii. Sekiranya berlaku sebarang bencana atau kemalangan yang berpunca daripada pelanggaran syarat-syarat, pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya.
- ix. Hendaklah menjalankan apa-apa langkah yang sesuai bagi mengelakkan berlaku atau kemungkinan berlakunya kacau ganggu daripada aktiviti perniagaan.
- x. Keseluruhan premis hendaklah dibekalkan pengcahayaan dan pengudaraanyang mencukupi.

- xi. Hendaklah menyediakan bilik/ ruang untuk mengerjakan solat bagi pekerja yang beragama Islam dengan keluasan yang mencukupi dan bilik/ruang ini tidak boleh digunakan untuk lain-lain tujuan.
- xii. Premis yang dilesenkan adalah digalakkan membuat pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di premis masing-masing. Bagi premis-premis jenis Rumah Kedai, Kedai Makan, Restoran, Klinik, Farmasi, Bank, Kedai Emas dan seumpamanya adalah **DIWAJIBKAN**.
- xiii. Hendaklah menyediakan kemudahan sanitasi yang mencukupi (tandas, bilik mandi, tempat cuci pinggan dan sebagainya).
- xiv. Hendaklah menyediakan alat kecemasan yang lengkap dan sentiasa dikemaskini.
- xv. Hendaklah menjaga kebersihan premis dan kawasan sekitar setiap masa.
- xvi. Hendaklah menyediakan tong sampah yang diluluskan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Jeli dengan jumlah yang mencukupi.
- xvii. Hendaklah menyimpan bersih tempat awam daripada barang-barang jualan atau aktiviti perniagaan **KECUALI** mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua Majlis Daerah Jeli.
- xviii. Hendaklah menyediakan alat pemadam api yang diluluskan oleh Jabatan Bomba dan diletakkan di tempat yang mudah kelihatan serta senang diambil semasa kecemasan.
- xix. Hendaklah menghentikan perniagaan selama 2 jam pada hari Jumaat bagi membolehkan pekerja Islam menunaikan solat Jumaat/ Zohor dan makan tengahari bagi kedai yang mempunyai pekerja Islam.
- xx. Kelulusan lesen ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Majlis tanpa apa-apa sebab dan segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
- xxi. Sebarang iklan yang dipamerkan di premis tu hendaklah mendapat kelulusan Majlis.
- xxii. Hendaklah mempamerkan lesen di tempat yang mudah kelihatan di dalam premis yang dilesenkan.
- xxiii. Majlis pada bila-bila masa boleh menambah atau membatalkan mana-mana syarat tersebut di atas dan dianggap berkuatkuasa selepas 7 hari dari tarikh penerimaan notis pemberitahu.

2. SYARAT-SYARAT KHAS

A. PREMIS MAKANAN

- i. **DIWAJIBKAN** mengambil suntikan pelalian anti typhoid dan menghadiri Kursus Asas Pengendali Makanan.
- ii. Semua pekerja **WAJIB** memakai apron, penutup kepala dan kasut yang bertutup semasa menegendalikan makanan/ minuman.
- iii. Menggunakan peralatan yang bersih,sesuai dan sempurna semasa mengendalikan makanan.
- iv. Tidak meludah dan merokok semasa menjalankan perniagaan.
- v. Memastikan kebersihan diri sentiasa bersih. (Berkuku pendek dan bersih)
- vi. Mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan Malaysia
- vii. Menyediakan bekalan air bersih untuk kegunaan dalam penyediaan makanan/minuman kepada pelanggan.
- viii. Tidak membuang sisa perniagaan ke dalam sistem perparitan dan perlu diuruskan dengan cara yang betul.
- ix. Semua sampah dan lebihan makanan hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah.
- x. Menyediakan tong sampah yang sesuai dan bertutup.
- xi. Memastikan semua makanan ditutup atau dipamerkan di tempat yang khas supaya ia tidak dicemari oleh lalat, lipas dan lain-lain.
- xii. Semua bahan yang digunakan dalam masakan perlu disimpan dalam bekas tertutup dan dilabelkan.
- xiii. Hendaklah memasang alat penapis makanan (pepejal) dan minyak (*grease trap*) untuk premis makanan.

- xiv. Hendaklah mendapatkan sijil **HALAL JAKIM** dalam tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun selepas lesen premis diluluskan.
- xv. Peniaga dan semua pekerja adalah tertakluk kepada peruntukan- peruntukan Akta Makanan 1983 dan Peraturan kebersihan Makanan 2009 serta Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

B. PENJAJA BERTEMPAT

- i. Kelulusan **TERHAD** kepada lokasi permohonan yang telah diluluskan **SAHAJA**.
- ii. Menjaga kebersihan tapak semasa dan selepas waktu perniagaan.
- iii. Menyediakan tong sampah bagi pelupusan sisa pepejal dan hendaklah dilupuskan oleh penjaja di tempat yang sesuai.
- iv. **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuang sisa cecair / bahan kotoran/ buangan dalam mana-mana longkang atau tempat awam.
- v. **TIDAK DIBENARKAN** untuk meletakkan atau meninggalkan peralatan perniagaan di tapak penjajaan selepas waktu perniagaan.
- vi. **TIDAK DIBENARKAN** membina sebarang binaan / struktur kekal di tapak penjajaan.
- vii. Memastikan **TIDAK** berlaku kacau ganggu / halangan lalulintas sepanjang waktu perniagaan dijalankan.
- viii. Kad pengendalian makanan hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika menjalankan perniagaan dan memastikan suntikan yang diterima masih sah dalam tempoh yang ditetapkan.
- ix. Pemohon mestilah sentiasa bersedia dan akur jika diarahkan untuk berpindah lokasi oleh pihak Majlis.
- x. **HENDAKLAH MEMATUHI** undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa serta lain-lain syarat yang dikenakan PBT atau agensi kerajaan yang lain dari semasa ke semasa. Pelanggaran mana-mana syarat yang dinyatakan boleh mengakibatkan tindakan kompaun dan lesen akan dibatalkan tanpa sebarang notis

C. PENJAJA BERGERAK

- i. Tidak boleh berniaga dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu lalulintas dan pergerakan orang berjalan kaki.
- ii. **TINDAKAN PENGUATKUASAAN** (kompoun atau pembatalan lesen) akan diambil keatas penjaja yang melanggar peraturan yang ditetapkan.
- iii. Bagi penjaja bergerak **TIDAK DIBENARKAN / MELETAKKAN / MENINGGALKAN** sebarang barang perniagaan seperti meja, payung dan kerusi di tempat perniagaan
- iv. **DILARANG** untuk berniaga di tempat yang **TIDAK DIBENARKAN**.
- v. **TIDAK DIBENARKAN** menjalankan aktiviti mencuci peralatan perniagaan di tapak perniagaan.

D. KAWASAN LARANGAN

- i. Dalam lingkungan sembilan meter dari simpang jalan dan tiga meter dari pili Bomba
- ii. **200 Meter** dari bahu jalan utama dan kawasan letak kereta
- iii. Di atas tangga, Di atas tangga, siar kaki lima, kaki lima awam, pepulau atau saluran perparitan longkang kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan
- iv. Penjualan makanan dan minuman di dalam lingkungan 40meter dari pagar Sekeliling Sekolah / Bangunan Pejabat Kerajaan / Hospital / Masjid / Bank / Pasar Awam / Perhentian Bas / Pakir berbayar adalah **DILARANG** bagi semua penjaja statik dan penjaja beredar. (Tertakluk kepada kelulusan Majlis).
- v. Kawasan Pasar Awam dan Stesen Bas /Teksi
- vi. Mana-mana tempat/ kawasan yang tidak dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan